

AMINUL Izmeer menunjukkan foto dadah yang dirampas.

SID
BATAN K

Hantar dadah guna khidmat kurier

Johor Bahru: Sindiket dadah dikesan semakin berani menggunakan perkhidmatan pusat kurier sebagai saluran pengedaran dan penyeludupan apabila Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Johor merampas lebih 13 kilogram bunga ganja dalam dua kes berasingan, bulan lalu.

Pengarah Kastam Johor, Aminul Izmeer Mohd So-haimi berkata, keseluruhan rampasan membabitkan 13.178 kilogram bunga ganja dengan nilai anggaran RM1.29 juta hasil pemeriksaan ke atas beberapa bungkusan di pusat kurier sekitar negeri ini.

Dalam kes pertama, Beliau berkata, Cawangan

Narkotik Bahagian Penguatkuasaan menerima maklumat berkaitan satu bungkusan mencurigakan yang diisytiharkan sebagai tuala pada jam 5.10 petang, 19 November lalu.

"Pemeriksaan mendapati bungkusan itu mengandungi lima paket plastik lut sinar berisi tumbuhan disyaki bunga ganja seberat 135 gram dengan nilai, dianggarkan RM14,112

"Siasatan lanjut dijalankan bagi menjejak penerima bungkusan beralamat di Johor Bahru sebelum seorang lelaki warga asing yang bekerja sebagai pekerja kilang ditahan dan dipercayai sebagai penerima bungkusan itu," katanya.

Bagi kes kedua, katanya, pihaknya menggagalkan cubaan sindiket menyeludup dadah keluar negara melalui perkhidmatan pusat kurier di Senai, dekat Kulai, pada jam 12.45 tengah hari, 26 November lalu.

"Pemeriksaan terhadap dua kotak paket menjumpai 24 bungkusan diisytiharkan sebagai langsir dan dialamatkan untuk penghantaran ke luar negara, United Kingdom (UK) disyaki mengandungi ganja.

"Dadah dianggarkan 13.043 kilogram dengan nilai keseluruhan lebih RM1.278 juta dan seorang lelaki yang bekerja bidang logistik ditahan," katanya.

Beliau berkata, dalam

dua kes berkenaan, seorang lelaki warga Filipina berusia 23 tahun dan seorang lelaki tempatan berusia 21 tahun ditahan.

Menurutnya, kedua-dua suspek masing-masing sudah dituduh di Mahkamah Sesyen Johor Bahru pada 25 November lalu dan Mahkamah Majistret Kulai pada 3 Disember lalu.

Katanya, kedua-duanya mengaku tidak bersalah dan kes masih dalam perbicaraan.

Bagi kedua-dua kes berkenaan, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 6 dan Seksyen 39A(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 serta Seksyen 39B(1)(a) akta yang sama.